

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

Dalam Perkara Tuntutan Harta Sepencarian
di bawah seksyen 59 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017

SAMAN NO : 11200-017-01XX-20XX

ANTARA

ABCD BINTI TKTK
KP : 000000-11-52XX

PLAINTIF

DENGAN

NPNP BIN PRPR
KP : XXX888-11-53XX

DEFENDAN

DI HADAPAN YANG ARIF
TUAN HAJI KAMALRUAZMI BIN ISMAIL, P.J.K.,
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU

PADA HARI SELASA, 00 SAFAR 14XXH
BERSAMAAN 00 OKTOBER 20XXM

ATAS TUNTUTAN Plaintiff, Tuntutan ini dipanggil untuk Penghakiman pada hari ini di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, di Kuala Terengganu dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarienya, Cik Nur Amanina binti Zulkefli dari Jabatan Bantuan Guaman Terengganu, Aras 1, Wisma PERKESO, Lot 2467, Jalan Air Jernih, 20538 Kuala Terengganu dan tanpa kehadiran Defendan. Setelah mendengar keterangan Plaintiff, saksi-saksi Plaintiff, Penghujahan Bertulis Peguam Syar'ie Plaintiff dan Sumpah *al-Istizhar* oleh Plaintiff, **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF TELAH MEMBUAT PERINTAH-PERINTAH SEPERTI BERIKUT :**

[**LATAR BELAKANG KES**] - Kes di hadapan Saya ini adalah suatu tuntutan Harta Sepencarian yang dituntut oleh Plaintiff, ABCD BINTI TKTK, KP : 000000-11-52XX terhadap

bekas suaminya, NPNP BIN PRPR, KP : XXX888-11-53XX selaku Defendan. Tuntutan ini dibuat sebagai akibat daripada berlakunya perceraian antara Plaintiff dengan Defendan pada 06 Mac 2017 dengan sabitan berlakunya perceraian secara ta'liq dengan talaq satu (1) kali pertama (*raj'ie*) di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Terengganu dengan kebenaran Mahkamah. Semasa perceraian berlaku dan disahkan di Mahkamah, tiada sebarang perintah berhubung Harta Sepencarian dikeluarkan oleh mana-mana Mahkamah Syariah.

[**FAKTA KES**] – Plaintiff dan Defendan berkahwin pada 11 Jun 1994 bersamaan 01 Muharram 1415H di Hulu Terengganu dengan berwalikan bapa kandung Plaintiff iaitu TKTK BIN MPMP dan bercerai pada 17 Janurai 2018 di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Terengganu. Sepanjang perkahwinan iaitu selama 24 tahun, Plaintiff dan Defendan telah dikurniakan dua (2) orang cahaya mata. Kedua-dua orang anak tersebut berumur 25 dan 21 tahun. Plaintiff sepanjang 24 tahun perkahwinan tersebut adalah bekerja sebagai Tukang Jahit dengan pendapatan sekitar RM500 sebulan. Pada peringkat awal perkahwinan, Defendan bekerja di Johor dan kemudiannya pulang bekerja dan menetap di Terengganu setelah mendapat cahaya mata pertama. Sekembalinya ke Terengganu, Defendan bekerja sebagai Pengawal Keselamatan dengan purata pendapatan sebanyak RM1,500 sebulan. Plaintiff dan Defendan tinggal di sebuah rumah yang dibina di atas tanah berketerangan hakmilik HSM XX12, PT 0011, Mukim Tanggul, Tempat Jongok Setar, Daerah Hulu Terengganu yang didaftarkan 1/1 bahagian atas nama ibu mertua Plaintiff (Hajizah binti Awang Teh) pada tahun 1995. Fakta-fakta di atas adalah merupakan fakta yang tidak dipertikaikan antara kedua-dua pihak di dalam kes ini.

Pada XX Ogos 20XX, Plaintiff, ABCD BINTI TKTK, KP : 000000-11-52XX telah memfailkan Tuntutan Harta Sepencariannya melalui Penyataan Tuntutannya. Pada 00 November 20XX Plaintiff telah membuat pindaan dan memfailkan pindaan pernyataan tuntutan ke Mahkamah. Plaintiff dalam kedua-dua pernyataan tuntutan menuntut bahawa harta-harta berikut diisytiharkan sebagai Harta Sepencarian sebanyak $\frac{1}{2}$ bahagian/nilai antara Plaintiff dengan Defendan iaitu :

1. Sebuah rumah yang dibina di atas tanah berketetapan hakmilik HSM XX12, PT 0011, Mukim Tanggul, Tempat Jongok Setar, Daerah Hulu Terengganu yang didaftarkan 1/1 bahagian atas nama ibu mertua Plaintiff (Hajizah binti Awang Teh);
2. Sebuah kenderaan Jenis Perodua Myvi 1.5 (Auto) bernombor pendaftaran PRR 8888 yang didaftarkan atas nama Defendan;
3. Sebuah Peti Sejuk (Anggaran Nilai sekarang RM800.00);
4. Sebuah Mesin Basuh (Anggaran Nilai sekarang RM500.00);
5. Sebuah Mesin Jahit Lurus Jenama Juki (Anggaran Nilai sekarang RM1000.00);
6. Sebuah Mesin Jahit Kelim (Anggaran Nilai sekarang RM1000.00);
7. Seunit Meja Potong Kain (Anggaran Nilai sekarang RM150.00);
8. Sebuah Almari Kaca (Anggaran Nilai sekarang RM1000.00);
9. Pinggan Mangkuk dan Periuk (Anggaran Nilai sekarang RM3000.00);
10. Oven Kuih 3 Unit (Anggaran Nilai sekarang RM600.00);

Oleh yang demikian, Plaintiff juga memohon Mahkamah untuk mengenakan kos perbicaraan ke atas Defendan, dan mengeluarkan apa-apa perintah yang difikirkan patut oleh Mahkamah yang Mulia ini.

Manakala, Defendan pada XX Oktober 20XX telah memfailkan Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas dan pada XX Disember 20XX pula memfailkan Pernyataan Pembelaan Terpinda dan Tuntutan Balas Terpinda. Dalam kedua-dua Pernyataan Pembelaan tersebut, Defendan tidak bersetuju dan membantah terhadap tuntutan rumah tersebut kerana menurut Defendan bahawa rumah tersebut adalah rumah Defendan yang dibina dari hasil diperolehi semasa Defendan bekerja di Singapura yang dikumpul dan dikirim kepada bapa Defendan sejak sebelum Plaintiff dan Defendan berkahwin lagi. Ketika itu Defendan masih berkahwin dengan seorang warganegara Thailand. Manakala berkenaan barang-barang peralatan jahitan dan memasak yang dituntut, Defendan menyatakan Defendan tiada halangan untuk Plaintiff mengambilnya pada bila-bila masa sahaja. Defendan juga memaklumkan bahawa terdapat sebahagiannya telah dibawa rosak kerana tidak digunakan.

Justeru itu, Defendan dalam Pernyataan Pembelaan dan Pernyataan Pembelaan Terpinda memohon kepada Mahkamah perintah-perintah sebagaimana berikut :

- i) Menolak tuntutan Plaintiff berkaitan sebuah rumah yang terletak di atas tanah ibu Defendan kerana harta tersebut bukan harta sepencarian mutlak antara Plaintiff dan Defendan;
- ii) Menolak tuntutan Plaintiff iaitu sebuah kereta Myvi No.Pendaftaran PRR 8888 kerana ia dibeli di penghujung hayat perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan serta tiada sumbangan langsung dan tidak langsung dari Plaintiff;
- iii) Kos perbicaraan ditanggung oleh Plaintiff;
- iv) Apa-apa perintah wajar dan patut diberi.

Seterusnya, Defendan dalam tuntutan balasnya, memohon kepada Mahkamah sebagaimana berikut :

1. Plaintiff hendaklah membayar upah kerja Defendan sejumlah RM9,021 dan beli barang untuk kerja ladang kelapa sawit seluas 7 ekar (3 ekar tanah pusaka, 2 ekar tanah adik ipar, 2 ekar tanah ibu Defendan) selama 10 tahun. Kerja yang dimaksudkan termasuklah banci, gali lubang anak sawit, upah tanam, beli turus pagar, beli papan, tambang lori, upah buat pagar, gali parit, culvot, bersih kebun, buat jalan, upah meracun, menebas, membaja, buang pelepah tua selama 2 tahun. Defendan juga menuntut pembahagian hasil sawit berjumlah $\frac{1}{3}$ iaitu sebanyak RM32,000 dari perolehan keseluruhan selama 10 tahun;
2. Plaintiff hendaklah membayar upah kerja Defendan dan beli barang untuk kerja ladang getah seluas 3 ekar iaitu berjumlah RM9540;
3. Defendan menuntut bayaran nilai semasa $\frac{1}{2}$ dari sebuah kereta Perodua Alza No. Pendaftaran PJPJ 6666 bernilai RM30,000 iaitu sebanyak RM15,000;
4. Defendan menuntut bayaran barang kemas $\frac{1}{2}$ iaitu dari 2 utas rantai leher dan 2 utas gelang tangan bernilai RM20,000 iaitu sebanyak RM10,000;

5. Melalui tuntutan balas ini, Defendan menuntut supaya Plaintiff membayar keseluruhan tuntutan balas di atas yang berjumlah RM75,561.

[PERJALANAN PROSIDING KES]

[**Prosiding Sulh**] - Dalam kes ini Plaintiff dan Defendan telah berusaha untuk menyelesaikan pertikaian antara mereka secara *Sulh* selaras dengan firman Allah S.W.T dalam surah an-Nisa' ayat 218 :

امرأة خافت من بعلها نشوزا أو إعراضا فلا جناح عليهما أن يصلحا بينهما صلحا والصلح خير وأحضرت وإن الأنفس الشح وإن تحسنوا وتتقوا فإن الله كان بما تعملون خبيرا

Yang bermaksud :

“Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya ‘nusyuz’ (kebencian) atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat pendamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya) kerana pendamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai berai), sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan) dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman) maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan.”

Majlis Sulh telah diadakan di antara Plaintiff dan Defendan pada 00 September 20XX di Kamar Pertemuan Sulh 2, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, jam 9.00 pagi dan Laporan Sulh memaklumkan tiada persetujuan dicapai antara pihak-pihak. Maka dengan ini proses sulh tersebut adalah gagal dan dipanjangkan untuk perbicaraan.

[**Sebutan Kes**] – [Sebutan kes pertama ditetapkan pada 00/09/20XX] - Defendan telah melantik Peguam Syar'ie dari Tetuan Hj. Othman Wahab dan wakalah telah disempurnakan. Peguam Defendan mohon untuk meneliti Pindaan Pernyataan Tuntutan dan memfailkan Pernyataan Pembelaan serta memberi peluang untuk Plaintiff melantik Peguam Syarienya.

[Kes untuk sebutan semula pada 00/10/20XX] - Peguam pihak-pihak hadir tanpa anak guam. Mahkamah memberikan peluang kepada Peguam Plaintiff untuk memasukkan Pindaan Pernyataan Tuntutan dan benarkan Pernyataan Pembelaan oleh Defendan (tanpa bayaran kerana kesilapan Pindaan Pernyataan Tuntutan dari tarikh lepas).

[Kes untuk sebutan semula pada 08/10/20XX] - Peguam Syarie bagi kedua-dua pihak hadir, manakala Plaintiff dan Defendan tidak hadir (telah dikecualikan hadir dalam sebutan kes sebelum itu di hadapan Pendaftar). Mahkamah memberikan peluang kepada Peguam Plaintiff untuk menyelesaikan status kenderaan yang menjadi salah satu aset dalam tuntutan ini dan tiada bantahan daripada Peguam Defendan.

[Kes untuk sebutan semula pada XX/11/20XX] - Peguam Syarie bagi kedua-dua pihak hadir, manakala Plaintiff dan Defendan tidak hadir (telah dikecualikan hadir dalam sebutan kes sebelum itu di hadapan Pendaftar). Mahkamah memberikan peluang kepada Peguam Defendan untuk memfailkan Pernyataan Pembelaan.

[Kes untuk sebutan semula pada XX/11/20XX] - Peguam Syarie bagi kedua-dua pihak hadir, manakala Plaintiff dan Defendan tidak hadir (telah dikecualikan hadir oleh Pendaftar). Pernyataan Pembelaan kepada Pindaan Pernyataan Tuntutan telah difailkan oleh Defendan dan Peguam Plaintiff mohon tarikh untuk memfailkan Jawapan kepada Pernyataan Pembelaan.

[Kes untuk sebutan semula pada 00/12/20XX] - Peguam Syarie bagi kedua-dua pihak hadir, manakala Plaintiff dan Defendan tidak hadir (telah dikecualikan hadir oleh Pendaftar). Mahkamah dapati Jawapan kepada Pernyataan Pembelaan dan Pernyataan Pembelaan kepada Tuntutan Balas difailkan dan diserahkan kepada Peguam Defendan. Peguam Defendan mohon untuk buat pindaan Tuntutan Balas pada hari yang sama, dan tiada bantahan dari Peguam Plaintiff. Mahkamah benarkan Peguam Defendan untuk memfailkan pindaan, dan arahkan Pernyataan Pembelaan Pindaan kepada Tuntutan Balas Pindaan supaya difailkan oleh Peguam Plaintiff dalam masa 2 minggu. Tarikh perbicaraan pada XX/01/20XX (*setelah dipersetujui oleh kedua-dua pihak*).

[PERBICARAAN KES] - Perbicaraan kes ditetapkan pada XX/01/2019 - Plaintiff hadir bersama Peguam Syarie dari JBG manakala Defendan hadir bersama Peguam Syarie dari Tetuan Hj. Othman Wahab. Mahkamah dapati Sijil Amalan Guaman Syari'e bagi Peguam pihak Defendan untuk negeri Terengganu ***telah tamat tempoh dan tidak disambung*** oleh pihak MAIDAM, kerana nama Peguam Defendan ini tiada dalam senarai nama-nama Peguam Syarie yang diperbaharui Sijil Amalan Guaman sebagaimana yang telah dikeluarkan oleh MAIDAM untuk tahun 2019. (*Senarai nama Peguam Syarie yang disambung Sijil Amalan Guaman oleh MAIDAM bagi tahun 2019 dirujuk*).

Peguam Defendan beritahu Mahkamah bahawa telah bayar kepada MAIDAM untuk sambung Sijil Amalan Guaman untuk beramal di Mahkamah Syariah Terengganu dan juga telah bayar RM100 di atas kelewatan proses permohonan.

Peguam Defendan juga maklum akan cadangkan kepada Defendan/anakguam supaya menggunakan khidmat Peguam Syarie yang lain untuk mewakili beliau dalam kes ini. Dalam masa yang sama, Peguam Defendan beritahu akan buat pengesahan semula sekali lagi dengan pihak MAIDAM tentang perkara tauliah Sijil Amalan Guamannya di Terengganu yang tidak disambung itu.

Peguam Plaintiff beritahu kes pada hari ini ditetapkan untuk bicara tetapi pihak peguam Plaintiff mohon kes ditangguh ke tarikh lain kerana kerana ikatan dokumen Plaintiff belum difailkan dan masalah Peguam Defendan yang telah tidak disambung sijil untuk beramal di negeri Terengganu, serta peluang untuk Defendan mendapatkan khidmat Peguam Syarie yang lain. Mahkamah benarkan permohonan dan arahkan kes ditetapkan tarikh untuk sebutan semula kes (bukan bicara) bagi tujuan memastikan ;

1. untuk beri peluang kepada Peguam Plaintiff masukkan ikatan dokumen,
2. untuk pihak Defendan mendapatkan khidmat Peguam Syarie yang baru untuk mewakilinya bagi prosiding seterusnya.

[Kes untuk sebutan semula di hadapan Hakim Bicara pada 00/02/20XX] - Plaintiff, Peguam Plaintiff hadir manakala Defendan tidak hadir. Peguam Plaintiff maklumkan bahawa notis sebutan dihantar kepada Defendan dan tidak dikembalikan semula. Defendan tidak hadir pada hari ini tanpa sebarang alasan & makluman, dan Peguam asal Defendan (Hj Othman b. Wahab) juga tidak hadir tanpa sebarang makluman. Sijil Amalan Guaman bagi Peguam Defendan di Terengganu memang telah tamat & tidak disambung, jadi peguam tidak lagi boleh beramal di negeri Terengganu ini. Tiada sebarang wakalah pelantikan guaman baharu dari Peguam Defendan yang baharu.

Mahkamah mengesahkan fakta bahawa Peguam Syarie yang mewakili Defendan telah tamat tempoh Sijil Amalan Guamanya dan tidak disambung semula oleh MAIDAM bagi tahun 2019 ini. Mahkamah juga merekodkan Defendan tidak hadir tanpa sebarang kenyataan, dan Sijil Amalan Guaman Syari'e Peguam Defendan di Terengganu telah tamat tempoh & tidak disambung semula, dan tiada lantikan Peguam Syarie baharu dibuat oleh Defendan setakat ini. *(Defendan boleh melantik mana-mana peguam lain mewakilinya walaupun tiada sebarang Notis Penarikan Diri Peguam Syar'ie yang asal itu).*

Mahkamah arahkan untuk prosiding seterusnya, sebarang notis atau makluman kepada pihak Defendan berkenaan prosiding kes ini hendaklah dihantar/serahkan terus kepada Defendan melalui alamat penyampaiannya (sebagaimana di dalam saman), sehinggalah ada Peguam Syarie baharu dilantik, jika ada.

[Kes untuk bicara di hadapan Hakim pada 00/04/20XX] - Plaintiff, Peguam Plaintiff hadir manakala Defendan tidak hadir. Notis untuk sebutan kes dihantar kepada Defendan dan tidak dikembalikan semula. Peguam Plaintiff bercadang sekiranya Defendan hadir akan kemukakan terlebih dahulu surat tawaran kepada Defendan bagi cadangan penyelesaian kes ini dari pihak Plaintiff. Peguam Plaintiff juga mohon ditetapkan tarikh bicara lain kerana memandangkan Peguam Plaintiff sendiri selepas ini akan berpindah ke Jabatan lain dan sekiranya bicara diteruskan kes akan menjadi tergantung di tengah jalan.

Dalam makluman Peguam Plaintiff, bagi kes nafkah 'Iddah dan Mutaah di MRSD Hulu Terengganu, Defendan ada hadir dan tawaran penyelesaian kepada Defendan belum dibuat secara bertulis. Kes yang melibatkan tuntutan di MRSD itu belum selesai dan pada hari ini bercadang untuk buat surat tawaran penyelesaian untuk tuntutan harta sepencarian ini kepada Defendan.

[Kes untuk bicara di hadapan Hakim pada XX/04/20XX] - Plaintiff, Peguam Plaintiff hadir manakala Defendan tidak hadir tanpa sebarang makluman. Notis Sebutan dihantar kepada Defendan dan tidak dikembalikan semula. Peguam Plaintiff juga maklumkan kepada Mahkamah, telah dikemukakan/diserahkan cadangan penyelesaian bagi tuntutan harta sepencarian ini kepada Defendan, tetapi tiada sebarang maklum balas dari pihak Defendan.

[Kes untuk bicara di hadapan Hakim pada XX/06/20XX - untuk peringkat kes Plaintiff] - Plaintiff, Peguam Plaintiff manakala Defendan tidak hadir tanpa sebarang makluman. Notis Bicara dihantar kepada Defendan dan tidak dikembalikan semula. Perbicaraan diteruskan dengan keterangan Plaintiff.

[Kes untuk sambung bicara di hadapan Hakim pada XX/08/20XX] - Plaintiff, Peguam Plaintiff, saksi-saksi Plaintiff hadir, manakala Defendan tidak hadir tanpa sebarang kenyataan. Notis Sambung Bicara telah dihantar kepada Defendan dan tidak dikembalikan semula. Kes diteruskan pada peringkat untuk Sambung Bicara dengan keterangan Plaintiff dan seterusnya saksi-saksi Plaintiff. Kes ditetapkan untuk penghakiman dan keputusan pada XX/09/20XX.

[Kes untuk penghakiman dan keputusan pada XX/09/20XX] - Peguam Plaintiff hadir sahaja hadir. Notis untuk keputusan telah dihantar kepada Defendan dan tidak dikembalikan. Defendan tidak hadir tanpa sebarang kenyataan. Peguam Plaintiff beritahu berlaku salah faham antara Peguam dan anakguam di mana Plaintiff tidak dimaklumkan mengenai tarikh prosiding pada hari ini. Peguam Plaintiff mohon maaf dan mohon tarikh lain ditetapkan untuk Keputusan.

Mahkamah beri pertimbangan dan arahkan peguam Plaintiff masukkan cadangan penyelesaian bagi item-item seperti mesin jahit, ketuhar dan sebagainya.

[Kes untuk penghakiman dan keputusan pada XX/09/20XX] - Plaintiff, dan Peguam Plaintiff hadir. Notis untuk keputusan kali kedua telah dihantar kepada Defendan dan tidak dikembalikan. Defendan tidak hadir tanpa sebarang kenyataan. Hujahan Bertulis Plaintiff telah difailkan, Plaintiff bersedia untuk bersumpah *istizhar* jika diarahkan oleh Mahkamah, dan bersedia untuk mendengar penghakiman Mahkamah. Plaintiff telah bersumpah *istizhar* dan Mahkamah buat penghakiman bagi tuntutan Plaintiff ini.

Mahkamah ingin memberi sedikit ulasan berkenaan bidangkuasa dan budibicara Mahkamah untuk meneruskan kes ini tanpa kehadiran Defendan. Mahkamah berpuashati bahawa Defendan telah mengetahui adanya tuntutan harta sepencarian yang dikemukakan oleh Plaintiff ini, tetapi Defendan gagal hadir ke Mahkamah ketika prosiding perbicaraan sehinggalah pengahakiman kes dan tidak lagi diwakili mana-mana Peguam Syari'e (setelah mendengar bahawa telah disahkan Mahkamah pada XX/02/20XX - Peguam Syarie yang mewakili Defendan telah tamat tempoh Sijil Amalan Guamanya dan tidak disambung semula oleh MAIDAM bagi tahun 2019), maka Mahkamah telah menjalankan perbicaraan tuntutan ini walaupun tanpa kehadiran Defendan. Mahkamah merujuk kepada peruntukan undang-undang mengikut Seksyen 121 (1)(b) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001 iaitu :

(1) *Jika, apabila mana-mana tindakan dipanggil untuk pendengaran: –*

(b) *Defendan tidak hadir, Mahkamah boleh, tertakluk kepada bukti penyampaian wajar mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya;*

Mahkamah juga merujuk kepada nas Fuqaha' yang ada menggariskan panduan sekiranya Defendan ghaib atau enggan hadir ke Mahkamah untuk menjawab tuntutan Plaintiff. Di dalam Kitab *I'anaah al-Talibin*, Juz IV, halaman 238 menyatakan :

والقضاء على الغائب عن البلد وإن كان في غير عمله أو عن المجلس بتواتر أو تعزز جائر في غير عقوبة الله تعالى ان كان مدع حجة ولم يقل هو أي الغائب مقر بالحق بل ادعى جحوده

Maksudnya :

“Dan penghakiman ke atas yang ghaib dalam negeri, sekalipun jika yang ghaib itu berada di luar kawasan wilayah (daerah) Hakim Syarie itu, atau ghaib dari Mahkamah atau ghaib menyembunyi diri dari Mahkamah atau tidak mengendahkan panggilan hadir ke Mahkamah secara degil adalah harus diteruskan dakwaan yang selain dari hukuman Allah, dengan syarat dakwaan itu ada hujjah (keterangan) dan tiada yang menuntut itu menyatakan yang kena tuntutan mengakui di atas tuntutannya, bahkan dakwaan itu boleh disangkal haknya”.

Di dalam Kitab *Mughni al-Muhtaj*, Juz 4 halaman 407 menyatakan :-

والقضاء على الغائب هو جائز إن كان بينة ، وادعى المدعى جحوده

Maksudnya :

“Penghakiman ke atas yang ghaib itu diharuskan jika yang mendakwa (Plaintif) mempunyai keterangan dan dakwaan yang mendakwa ke atas yang ghaib itu boleh disangkal.....”

Dari segi Hukum Syara’, perbicaraan tanpa kehadiran Defendan adalah dibolehkan. Dr. Abdul Karim Zaydan di dalam kitabnya, *Nizam al-Qadha’* ada mengutip pendapat al-Mawardi yang membolehkan seorang Qadi itu mendengar keterangan Plaintif dan seterusnya memutuskan dengan berdasarkan kepada bukti-bukti yang dikemukakan oleh Plaintif. Dr. Abdul Karim Zaydan menyatakan dalam kitabnya *Nizam al-Qadha’*, pada halaman 153 :

إذا اصر المدعى عليه على عدم الحضور ، باشر القاضي المرافعة مع غياب المدعى عليه ، فيسأل المدعى عن بينته ، فإن قال : عندي بينة أمره القاضي بتحديد دعواه وسمع بينته

Maksudnya :

“Apabila pihak Defendan meneruskan tidak mahu hadir ke Mahkamah, maka hakim boleh meneruskan perbicaraan tanpa kehadiran pihak Defendan. Hakim juga boleh meneruskan dengan meminta pihak Plaintif membawa keterangannya jika ia mempunyainya dan hakim boleh mendengar tuntutan dan keterangannya”.

Mahkamah berpendapat di dalam kes ini Defendan bukanlah ghaib tetapi termasuk dalam kategori enggan hadir ke Mahkamah apabila dipanggil atau diarahkan supaya hadir untuk

menjawab tuntutan ke atasnya. Berdasarkan kepada seksyen 52 (b) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001, Mahkamah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan waran tangkap bagi memaksa kehadiran pihak kena tuntutan atau Defendan di dalam kes ini, tetapi oleh kerana tiada permohonan dari pihak Plaintiff Mahkamah membenarkan permohonan untuk perbicaraan dijalankan tanpa kehadiran pihak Defendan mahupun Peguam Syarie Defendan.

Perbicaraan dijalankan dengan Plaintiff mengemukakan keterangan dengan dua orang saksi. Kemudian Plaintiff menutup kesnya dan Defendan gagal/enggan hadir untuk peringkat kes Defendan dan kes diteruskan dengan penghujahan bertulis Plaintiff. Mahkamah berpendapat tindakan Defendan yang tidak hadir dalam prosiding perbicaraan kes (setelah penyampaian wajar dibuat kepadanya) adalah satu tindakan yang tidak wajar dan tidak menghormati Mahkamah dan perundangan yang berkuatkuasa, lebih-lebih lagi Defendan telah mengetahui tentang adanya tuntutan harta sepencarian ini sejak awal lagi, telah mengetahui bahawa Peguam Syarie yang dilantik sebelum itu tidak disambung Sijil Amalan Guamanya, bahkan Defendan ada hadir dalam prosiding kes tuntutan nafkah 'Iddah dan Mutaah yang difailkan oleh Plaintiff di MRSD Hulu Terengganu.

Merujuk kes *Zakiah Idris lwn Hasan Mohamad* [2012] 1 CLJ (SYA) 298 yang mana di dalam kes ini, Plaintiff telah membuat tuntutan untuk mendapatkan perintah Mutaah sebanyak RM150,000 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. YA Kamal Bashah Ahmad Tajuddin, dalam penghakimannya telah membenarkan tuntutan Plaintiff dan mensabitkan bayaran Mutaah sebanyak RM15,000 ke atas Defendan. YA memutuskan bahawa berdasarkan peruntukan seksyen 121(1) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Mahkamah ini mempunyai kuasa untuk meneruskan perbicaraan dan memutuskan kes ini dengan berpandukan keterangan dan dokumentar yang dikemukakan oleh pihak-pihak.

Di samping itu, merujuk kes *Siti Hasnah Jantan lwn Saharum Shariff* [2013] 1 CLJ (SYA) 169 yang mana di dalam kes ini, sebelum Mahkamah membacakan keputusannya, Mahkamah telah

memerintahkan kepada Plaintiff supaya mengambil bersumpah *istizhar* sebagai menguatkan keterangan di dalam Mahkamah yang mulia ini.

Ianya penting bagi menolak segala tohmahan terhadap diri dan segala keterangannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 121(1)(b) dan (2) ETMMSNM 2002. Plaintiff diperingatkan bahawa, *yamin* di dalam Mahkamah mempunyai kesan yang sangat berat iaitu jika Plaintiff bersumpah atas kebenaran maka Plaintiff akan beroleh pahala yang besar akan tetapi jika Plaintiff bersumpah atas keterangannya yang dusta, bohong dan diada-adakan, maka tindakan Plaintiff itu akan dibalas dengan azab oleh Allah Taala.

Perbicaraan kes ini adalah dikategorikan sebagai keterangan sebelah pihak iaitu keterangan Plaintiff dan saksi-saksinya sahaja tanpa kehadiran Defendan. Justeru itu, Mahkamah telah memerintahkan Plaintiff bersumpah dengan *yamin istizhar* bagi menguatkan dakwaan kesnya.

Mahkamah suka menarik perhatian tentang tanggungjawab menegakkan kebenaran dan keadilan walaupun ke atas diri sendiri memandangkan kehadiran ke Mahkamah setelah dipanggil adalah suatu tanggungjawab menegakkan kebenaran yang perlu ditunaikan oleh setiap individu. Firman Allah S.W.T di dalam surah al-Nisa' ayat 135 berbunyi ;



Terjemahannya;

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi saksi orang-orang yang menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah S.W.T, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaupun orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbangrasa), kerana Allah S.W.T lebih bertimbangrasa kepada keduanya. Oleh itu jangan kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutarbelitkan keterangan atau enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah S.W.T sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

Berdasarkan nas-nas di atas, secara nyata menjelaskan bahawa kegagalan Defenda menghadirkan diri ke Mahkamah tidaklah menyekat Mahkamah ini dari membuat keputusan kes walaupun Defendan berada di mana jua sekalipun. Malah harus memberi penghakiman atau keputusan ke atas Defendan yang ghaib jika Plaintiff tersebut mempunyai keterangan bagi menyokong tuntutan ke atas Defendan di Mahkamah. Berdasarkan kepada nas Syarak dan peruntukan Undang-undang yang dibentangkan, Mahkamah berpuashati bahawa jelas telah memberi kuasa dan budi bicara kepada Mahkamah ini untuk meneruskan kes ini tanpa kehadiran Defendan.

Sebelum meneliti fakta dan persoalan di dalam kes ini, adalah penting untuk menentukan bidangkuasa Mahkamah dalam mendengar tuntutan Harta Sepencarian ini.

[BIDANG KUASA MAHKAMAH] - mengikut Hukum Syarak dan Undang-Undang.

Walaupun isu bidangkuasa tidak dipertikaikan oleh pihak-pihak di dalam tuntutan ini, Sebelum Mahkamah meneruskan penghakiman, Mahkamah terlebih dahulu melihat kepada bidangkuasa Mahkamah untuk mendengar dan memutuskan kes ini, bagi memastikan bahawa Mahkamah ini adalah menjalankan kuasa-kuasa sebagaimana yang diperuntukkan Hukum Syarak dan Undang-Undang. Tuntutan yang didengar ini adalah Tuntutan Harta Sepencarian. Di dalam Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001 memperuntukkan bahawa bidangkuasa mengenai Harta Sepencarian, adalah diberi kepada Mahkamah Tinggi Syari'ah sebagai *bidangkuasa asal*. Merujuk kepada **seksyen 11(3)(b)(iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001 :**

Mahkamah Tinggi syariah hendaklah :

- a)
- b) *Dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan –*
 - i.....
 - ii.....

iii.....

iv. Pembahagian atau tuntutan harta sepencarian.

Mahkamah seterusnya merujuk kepada **seksyen 59 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017** yang memperuntukan secara khusus berkenaan Harta Sepencarian seperti berikut :

1. *Mahkamah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.*
2. *Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh sub-seksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang :*
 - a) *Takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu.*
 - b) *Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka.*
 - c) *Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, dan tertakhluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah mirip kepada membuat pembahagian yang sama banyak.*
3. *Mahkamah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperolehi, dalam masa perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.*
4. *Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada –*
 - a) *Takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga*
 - b) *Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada dan, tertakhluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah tetapi, walau bagaimanapun, pihak yang telah memperolehi asset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.*

5. Bagi maksud-maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi atau dengan usaha bersama mereka.

Oleh yang demikian, Saya berpendapat dalam mentadbir tuntutan Harta Sepencarian, peruntukan di dalam subseksyen 11(3)(b)(iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001 adalah tidak membataskan tentang masa dan keadaan. Tuntutan Harta Sepencarian boleh dibuat dan lebih luas dari peruntukan seksyen 59 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 serta lebih menepati Hukum Syarak sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab *al-Umm*, jilid kesepuluh, cetakan Darul Qutaibah, Beirut, Labenon, cetakan 1, 1996, halaman 328 :

قال الشافعي رحمه الله تعالى اذا اختلف الرجل والمرأة في متاع البيت الذي هما فيه ساكنان وقد افترقا أو لم يفترقا أو ماتا أحدهما فاختلف ورثتهما أو ورثة أحدهما بعد موته فذلك كله سواء .

Yang bermaksud :

Imam Syafie telah berkata, "Apabila berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah (bercerai); atau sekali pun tidak berpisah; atau kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia; yang mana dalam keadaan kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia, berlaku pertelingkahan di antara waris kepada kedua-dua pihak atau pertelingkahan oleh waris kepada salah satu dari kedua pihak itu; maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa..."

Perkara yang sama dijelaskan dalam kitab *Bughyah al-Mustarsyidin* karangan al-Sayyid al-Syarif Abdul Rahman bin Muhammad bin Hussain bin Umar, halaman 159 menyebut bahawa :

إختلط مال الزوجين ولم يعلم لأيهما أكثر ولا قرينة تميز أحدهما وحصلت بينهما فرقة أو موت لم يصح لأحدهما ولا وارثه تصرف في شيء منه قبل التمييز أو الصلح إلا مع صاحبه إذ لا مرجح

Terjemahannya :

"Telah bercampur harta suami isteri dan tidak diketahui harta siapa yang lebih banyak – tidak ada tanda-tanda yang dapat membezakan harta salah seorangnya kemudian berlaku perpisahan antara keduanya

ataupun mati, maka tidak sah salah seorang dari mereka atau warisnya memerintah (mengguna) sesuatu daripada harta itu sebelum dapat dibezakan ataupun sebelum dibuat perdamaian (al-sulh) kecuali bersama-sama dengan pemiliknya sebab tidak ada murajjih (tidak ada tanda yang membezakan)”

Mahkamah juga berpuashati dengan pemastautinan Plaintiff sebagaimana peruntukan Seksyen 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang memberi tafsiran “*bermastautin*” ertinya tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu, yang mana Mahkamah berpuashati bahawa semasa tuntutan ini dibuat Plaintiff adalah beralamat di Kampung Jak, 21800 Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu dan perceraian antara Plaintiff dan Defendan juga adalah berlaku di Terengganu. Maka dengan ini, jelas bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu mempunyai kuasa untuk mendengar dan memutuskan serta menentukan pembahagian serta takat sumbangan yang ada pada Plaintiff dan Defendan sebagai suami isteri dalam perolehan harta sepencarian dan Plaintiff adalah layak dan mempunyai kausa tindakan untuk membuat tuntutan Harta Sepencarian ini.

[ISU BERKAITAN FAKTA PERSOALAN UTAMA] - Mahkamah menganalisa fakta persoalan di dalam Tuntutan Harta Sepencarian yang difailkan oleh Plaintiff dan Mahkamah berpendapat ada tiga (3) isu utama yang menjadi fakta persoalan utama yang perlu diputuskan sebelum apa-apa prosiding seterusnya boleh diteruskan iaitu ;

[Pertama] : *Adakah harta-harta yang menjadi isu dalam tuntutan ini adalah Harta Sepencarian, adakah harta yang diperolehi atau harta yang dibangunkan dalam masa perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan?*

[Kedua] : *Bagaimanakah tuntutan Harta Sepencarian ini ditentukan oleh Mahkamah?*

[Ketiga] : *Adakah kadar yang dituntut oleh Plaintiff ini menepati peruntukan Hukum Syarak dan Undang-undang dan boleh dibenarkan atau sebaliknya?*

Berhubung fakta persoalan pertama, Adakah harta-harta yang menjadi isu dalam tuntutan ini adalah Harta Sepencarian, adakah harta yang diperolehi atau harta yang dibangunkan dalam masa perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan?. Sebelum Mahkamah boleh membuat

penentuan sabitan sesuatu harta yang dituntut itu adalah Harta Sepencarian atau sebaliknya, Mahkamah perlu terlebih dahulu melihat apakah yang dimaksudkan dengan Harta Sepencarian mengikut Hukum Syarak dan juga Undang-undang yang sedang berkuatkuasa pada masa ini. Harta Sepencarian merupakan salah satu tuntutan yang begitu popular di kalangan masyarakat Melayu. Hal ini kerana tuntutan harta sepencarian adalah bersifat harta termasuk harta boleh alih dan harta tidak alih. Harta sepencarian diistilahkan sebagai *متاع البيت* (perkakas rumah), *مال الزوجين* (harta suami isteri). Tafsiran ini berdasarkan kepada perbincangan kitab-kitab fiqh yang mana perbincangannya tertumpu kepada harta-harta seperti rumah, perkakas rumah dan kenderaan sahaja.

Merujuk kepada Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 mentakrifkan Harta Sepencarian sebagai –

“Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak”.

Peruntukan seksyen 59 Enakmen yang sama seperti yang telah dinyatakan di atas menghuraikan lagi makna Harta Sepencarian mengikut undang-undang. Peruntukan seksyen 59 ini perlu dibaca bersama dengan tafsiran berkanun *“Harta Sepencarian”* sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 2 di atas. Dengan ini, dapat difahami bahawa takrifan Harta Sepencarian itu boleh wujud dalam tiga keadaan berikut;

Pertama Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha bersama mereka.

Kedua Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu.

Ketiga Aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama suami isteri.

Berhubung tafsiran Harta Sepencarian, Mahkamah merujuk kepada kes *Hajah Lijah bte Jamal lwn Fatimah bte Mat Diah, (1981) 2(i) JH 84*, di mana pada tahun 1950, Hakim Briggs telah mentakrifkan harta sepencarian sebagai harta yang diperolehi dalam masa mereka hidup berkahwin sebagai suami isteri, hasil daripada daya mereka atau melalui usaha mereka bersama. Kemudian, dijelaskan lagi di dalam kes *Piah lwn Che Lah (1983) 3 JH 220*, Hakim Harussani dalam keputusannya, "*Harta Sepencarian ialah harta yang diperolehi secara bersama semasa suami isteri itu hidup bersama dan sama-sama berusaha terhadap harta tersebut sama ada kedua-dua pasangan itu sama-sama bekerja dalam bidang yang sama atau dalam bidang yang berlainan dan sama ada secara rasmi atau tidak rasmi dan sama ada dibahagi-bahagikan tugas atau tidak. Maka perkara yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan kesemua tuntutan plaintif sebagai Harta Sepencarian, sama ada harta tersebut diperolehi dalam tempoh perkahwinan atau pun tidak. Perlu ditentukan juga bahawa harta-harta tersebut bukan harta pusaka, bukan harta milik peribadi dan bukan harta 'ikhtilat' (bercampur)*".

Dari segi Syarak, sekali lagi Mahkamah merujuk kepada dalam kitab, *Al-Umm*, jilid kesepuluh, cetakan Darul Qutaybah, Beirut, Labenon, cetakan 1, 1996, halaman 328 :

قال الشافعي رحمه الله تعالى اذا اختلف الرجل والمرأة في متاع البيت الذي هما فيه ساكنان وقد افترقا أو لم يفترقا أو ماتا أحدهما فاختلف ورثتهما أو ورثة أحدهما بعد موته فذلك كله سواء .

Yang bermaksud:

Imam Syafie telah berkata, "Apabila berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah (bercerai); atau sekali pun tidak berpisah; atau kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia; yang mana dalam keadaan kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal

dunia, berlaku pertelingkahan di antara waris kepada kedua-dua pihak atau pertelingkahan oleh waris kepada salah satu dari kedua pihak itu; maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa..."

Dapat dirumuskan bahawa harta sepencarian lebih kepada memulangkan hak seseorang kepada seseorang yang lain terpulang kepada sumbangannya terhadap harta tersebut.

Berdasarkan kepada Pernyataan Tuntutan Plaintiff dan Pernyataan Pembelaan Defendan, dan adalah suatu fakta yang tidak dipertikaikan oleh kedua-dua pihak bahawa Plaintiff dan Defendan telah berkahwin mengikut Hukum Syarak pada 01 Muharam 1415H bersamaan 11 Jun 1994 dan telah bercerai pada 17 Januari 2018 dengan sabitan berlakunya perceraian di bawah takliq dengan kebenaran Mahkamah. Bagi menentukan sama ada setiap aset yang dituntut oleh Plaintiff ini adalah merupakan Harta Sepencarian, Mahkamah meneliti kepada aset-aset yang menjadi tuntutan Plaintiff yang dituntut diisytiharkan sebagai Harta Sepencarian di dalam kes ini sebagaimana berikut : -

- 1. Sebuah rumah yang dibina di atas tanah berketerangan hakmilik HSM 7712, PT 12268, Mukim Tanggul, Tempat Jongok Setar, Daerah Hulu Terengganu yang didaftarkan 1/1 bahagian atas nama ibu mertua Plaintiff (Hajizah binti Awang Teh);***

Di dalam kes ini, Plaintiff menuntut supaya Mahkamah mengisytiharkan bahawa sebuah rumah yang dibina di atas tanah berketerangan hakmilik HSM XX12, PT 0011, Mukim Tanggul, Tempat Jongok Setar, Daerah Hulu Terengganu yang didaftarkan 1/1 bahagian atas nama ibu mertua Plaintiff (TPTP BINTI MOMO) adalah harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan.

Berdasarkan kepada kenyataan Plaintiff dalam keterangannya kepada Mahkamah bahawa aset tersebut adalah hartanah yang terletak di belakang Kompleks Pertanian Ajil dan dibina pada tahun 1995. Hartanah ini dibina di atas tanah milik ibu Defendan nama TPTP BINTI MOMO. Pembinaannya dimulakan ketika mana Defendan masih lagi bekerja di Johor dan pulang ke Terengganu dua kali sebulan untuk memantau pembinaan hartanah tersebut. Proses pembinaan mengambil masa lebih kurang 3 tahun. Sepanjang pembinaan, Plaintiff pula tinggal

di rumah Tok Wan Plaintiff di Kampung Jok, Ajil dan Plaintiff biasa datang setiap minggu untuk melihat perkembangan pembinaan tersebut. Setelah rumah tersebut siap dibina iaitu selepas lahir anak pertama iaitu anak lahir pada 00 September 19XX. Defendan telah berhenti kerja di Johor dan balik menetap di Terengganu. Pada masa itulah kedua-duanya mula tinggal di rumah tersebut.

Di sini Mahkamah meneliti kepada fakta perkahwinan pihak-pihak yang mana Plaintiff dan Defendan telah berkahwin pada 01 Muharam 1415H bersamaan 11 Jun 1994. Tahun pembinaan hartanah tersebut adalah pada tahun 1995 iaitu termasuk dalam tempoh berlangsungnya perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan.

Berdasarkan fakta di atas, Mahkamah dapati dengan meneliti kepada keterangan Plaintiff, pembelaan dari Defendan serta keterangan saksi-saksi, kesemuanya menyatakan secara konsisten bahawa rumah tersebut dibina di atas tanah milik ibu Defendan (ibu mertua Plaintiff nama TPTP BINTI MOMO) dan dibina dalam tempoh perkahwinan dan mula menduduki rumah tersebut pada tahun 1995 selepas kelahiran anak pertama mereka. Pembinaan rumah asal (ibu rumah) adalah dimulakan oleh Defendan manakala pengubahsuaian beberapa bahagian rumah tersebut dilakukan oleh Plaintiff semasa dalam tempoh perkahwinan mereka.

kepada fakta-fakta yang diterima di atas, dapat dipastikan bahawa hartanah ini adalah dibina dalam masa perkahwinan iaitu dalam masa perkahwinan Plaintiff dan Defendan. Justeru itu, bagi menjawab *fakta persoalan ini*, Mahkamah berpuashati bahawa sebuah rumah yang dibina di atas tanah berketerangan hakmilik HSM XX12, PT 0011, Mukim Tanggul, Tempat Jongkok Setar, Daerah Hulu Terengganu yang didaftarkan 1/1 bahagian atas nama ibu mertua Plaintiff (TPTP BINTI MOMO); ini adalah dibina dan diduduki pihak-pihak dalam masa perkahwinan mereka dan **adalah termasuk** dalam kategori Harta Sepencarian antara Plaintiff dengan Defendan.

2. *Sebuah kenderaan Jenis Perodua Myvi 1.5 (Auto) bernombor pendaftaran PRR 8888 yang didaftarkan atas nama Defendan;*

Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff, bahawa Defendan telah membeli sebuah kereta jenis Perodua Myvi No. Pendaftaran PRR 8888 pada hujung tahun 2017. Plaintiff mengakui semasa pembelian kereta itu dibuat, Plaintiff dan Defendan tidak lagi tinggal bersama. Plaintiff hanya mengetahui bahawa kesemua bayaran pembelian kereta termasuk bayaran bulanan kereta tersebut adalah dari sumber duit Defendan sahaja tanpa ada sumbangan daripada Plaintiff. Plaintiff turut memperakui bahawa tidak pernah menggunakan kereta tersebut dan kereta tersebut sehingga sekarang berada bersama Defendan.

Defendan dalam Pernyataan Pembelaannya menyatakan bahawa sungguhpun kereta tersebut dibeli dalam masa perkahwinan (penghujung tahun 2017) (sebelum bercerai pada 2018 iaitu pada 30.09.2018 merujuk kepada tarikh pendaftaran kenderaan pada geran kenderaan) namun, tiada sumbangan secara langsung mahupun tidak langsung di pihak Plaintiff dalam memperolehi harta tersebut.

Mahkamah dapati dengan meneliti keterangan Plaintiff dan juga pembelaan yang difailkan Defendan, kedua-duanya konsisten bahawa kereta tersebut dibeli oleh Defendan sepenuhnya dengan duit Defendan dalam masa pihak-pihak telah tinggal berasingan (dalam proses perceraian pada 30.09.2018) bahkan Plaintiff sendiri dalam keterangannya mengakui tiada apa-apa sumbangan terhadap pemerolehan kereta tersebut bahkan tidak pernah pun menggunakannya dan Plaintiff pada masa tersebut telah pun tinggal berasingan daripada Defendan.

Dengan meneliti kepada fakta-fakta yang diterima di atas, dapat dipastikan bahawa kereta tersebut adalah dibeli sepenuhnya hasil wang Defendan sahaja tanpa melibatkan Plaintiff dalam masa proses untuk perceraian antara Plaintiff dan Defendan berlangsung. Bahkan, keterangan dakwaan sumbangan Plaintiff ke atas kereta tersebut yang dinyatakan tidak dikuatkan dengan pembuktian fakta dan keterangan yang diperuntukkan di dalam Hukum Syarak sebagaimana diperuntukkan di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Justeru

itu, bagi menjawab *fakta persoalan ini*, Mahkamah berpuashati bahawa sebuah kenderaan Jenis Perodua Myvi 1.5 (Auto) bernombor pendaftaran PRR 8888 yang didaftarkan atas nama Defendan ini adalah tidak termasuk dalam kategori Harta Sepencarian antara Plaintiff dengan Defendan.

3. Peralatan-peralatan di dalam rumah yang terdiri daripada ;

- 3.1 Sebuah Peti Sejuk (Anggaran Nilai sekarang RM800.00);
- 3.2 Sebuah Mesin Basuh (Anggaran Nilai sekarang RM500.00);
- 3.3 Sebuah Mesin Jahit Lurus Jenama Juki (Anggaran Nilai sekarang RM1000.00);
- 3.4 Sebuah Mesin Jahit Kelim (Anggaran Nilai sekarang RM1000.00);
- 3.5 Seunit Meja Potong Kain (Anggaran Nilai sekarang RM150.00);
- 3.6 Sebuah Almari Kaca (Anggaran Nilai sekarang RM1000.00);
- 3.7 Pinggan Mangkuk dan Periuk (Anggaran Nilai sekarang RM3000.00);
- 3.8 Oven Kuih 3 Unit (Anggaran Nilai sekarang RM600.00);

Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff, bahawa Plaintiff menuntut dua (2) buah mesin jahit yang dibeli Plaintiff hasil duit upah menjahit. Mesin jahit tersebut dibeli pada tahun 2008 yang mana mesin jahit lurus dibeli dengan harga RM1500 dan mesin jahit kelim dibeli pada tahun 2009 dengan harga lebih kurang RM1000. Selain itu, pihak RISDA ada beri mesin jahit kerana inisiatif Plaintiff sebagai Pekebun Kecil. Mesin tersebut ada di kedai dan digunakan di kedai. Plaintiff telah buka kedai jahit hampir 10 tahun. Plaintiff juga menuntut Seunit Meja Potong Kain yang dibelinya dengan ditempah pada harga RM250. Selain itu, berkait tuntutan sebuah almari kaca yang digunakan untuk tujuan mempamer baju yang telah dijahit. Plaintiff beli almari kaca tersebut di kedai di Kuala Berang. Harga pada masa beli RM700. Almari kaca dibeli selepas 2 tahun beli mesin jahit lurus dan mesin jahit kelim.

Plaintiff dalam keterangan lisannya menyatakan bahawa tuntutan berkaitan Pinggan Mangkuk dan Periuk pula, yang mana ianya dibeli di Langkawi. Plaintiff beli dalam 3 set dengan harga RM1000. Masa itu ikut rombongan UMNO ke Langkawi. Tujuan Plaintiff beli kerana Plaintiff ada

buat penyediaan catering untuk majlis kahwin atau pertunangan. Periuk “6 beradik” termasuk Periuk besar untuk hidang pula dibeli oleh Plaintiff di Rantau Panjang pada tahun 2008.

Berkenaan tuntutan Oven Kuih sebanyak 3 unit pula, Plaintiff menyatakan bahawa tuntutan melibatkan Oven kuih 2 unit berjenama Pensonic dan satu unit lagi Plaintiff tidak ingat jenama. Bagi oven kuih berjenama Pensonic berharga RM250 dan RM150. Jenama satu lagi Plaintiff beli dengan RM100 lebih. Ketiga-tiga oven tersebut dibeli di Kuala Terengganu iaitu selepas balik dari rombongan ke Langkawi. Plaintiff menyatakan bahawa kesemua barang-barang yang dituntut ini (3.1 hingga 3.8) adalah dibeli oleh Plaintiff dalam masa tempoh perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan.

Defendan dalam perenggan 6 Pernyataan Pembelaan, ada menyatakan tidak menafikan dan mengakui bahawa kesemua barang-barang yang dituntut di atas adalah barang-barang yang diperolehi semasa perkahwinan Plaintiff dan Defendan.

Mahkamah dapati dengan meneliti keterangan Plaintiff dan juga pembelaan yang difailkan Defendan, kedua-duanya konsisten bahawa kesemua barang-barang yang dinyatakan tersebut (dalam bentuk aset alih) telah dibeli dalam masa perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan. Justeru itu, bagi menjawab *fakta persoalan ini*, Mahkamah berpuashati bahawa barang-barang yang dinyatakan tersebut (dalam bentuk aset alih) adalah diperolehi pihak-pihak dalam masa perkahwinan mereka dan **adalah termasuk** dalam kategori Harta Sepencarian antara Plaintiff dengan Defendan.

Seterusnya berhubung *fakta persoalan kedua*, iaitu berkenaan bagaimanakah Tuntutan Harta Sepencarian ditentukan oleh Mahkamah. Dalam perkara ini, berdasarkan kepada Hukum Syara' dan Undang-Undang yang berkuatkuasa, Mahkamah melihat kepada tiga asas untuk membuat penentuan bahagian terhadap Harta sepencarian iaitu :

- 1) Sumbangan kedua-dua pihak iaitu Plaintiff dan Defendan dalam mendapatkan harta-harta tersebut (wujud sumbangan atau tidak);

- 2) Takat sumbangan Plaintif dan Defendan dalam mendapatkan harta-harta tersebut;
- 3) Beban bukti oleh Plaintif dan Defendan dalam mendapatkan harta-harta tersebut.

Asas Penentuan Pertama, Mahkamah melihat kepada sumbangan pihak-pihak terhadap harta yang dituntut iaitu samada wujud sumbangan atau tidak - Suatu sumbangan terhadap harta sepencarian itu boleh dilihat menerusi sumbangan secara langsung atau tidak langsung. Sumbangan secara langsung adalah apabila suami dan isteri sama-sama bekerja dan berusaha untuk mendapatkan pemilikan suatu harta atau aset. Manakala sumbangan secara tidak langsung adalah sumbangan yang dibuat oleh pasangan suami isteri tanpa melibatkan sumbangan yang dapat secara hakiki seperti ketaatan seorang isteri menguruskan rumahtangga dan dorongan seorang isteri yang membolehkan suaminya berjaya dalam kerjanya.

Mengenai sumbangan ini, Syarak telah mengiktiraf harta yang diperolehi melalui sumbangan dan usaha sama ada dari pihak lelaki mahupun dari pihak perempuan sebagaimana yang disebut di dalam al-Qur'an, Firman Allah S.W.T dalam surah al-Nisa' ayat 32 :

ولا تتمنوا ما فضل الله به بعضكم على بعض للرجال نصيب مما اكتسبوا وللنساء نصيب مما اكتسبن وسئلوا الله من فضله إن الله كان بكل شيء عليما

Yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu terlalu mengharap (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah S.W.T telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran), (kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka usaha kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah S.W.T sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

Seterusnya dalam surah *al-Baqarah* ayat 228, Allah S.W.T berfirman :

... ويعولتهن أحق بردهن في ذلك إن أرادوا إصلاحا ولهن مثل الذي عليهن بالمعروف وللرجال عليهن درجة والله عزيز

حكيم

Yang bermaksud :

“...Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajiban yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) Dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); Dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.

Sayed Sabiq pula dalam kitabnya, ‘Fiqh al Sunnah’ terbitan 1981, cetakan Dar al Fikr, Beirut, jilid 3, halaman 174, menjelaskan bahawa :

والأساس الذي وضعه الإسلام للتعامل بين الزوجين وتنظيم الحياة بينهما - وهو أساس الفطرى وطبعى. فالرجل أقدر على العمل والكسب خارج المنزل ، والمرأة أقدر على تدبير المنزل ، وتربية الأولاد ، وتيسير أسباب الراحة البيتية ، الطمأنينة المنزلية ، فيكلف الرجل ما هو مناسب له ، وتكلف ما هو من طبيعتها ، وبهذا يتنظم البيت من ناحية الداخل والخارج دون أن يجد أي واحد من الزوجين سببا من أسباب انقسام البيت على نفسه

Terjemahannya :

“Dasar yang ditetapkan oleh Islam dalam mengatur dan menguruskan kehidupan suami isteri adalah merupakan suatu dasar yang sesuai dengan fitrah dan tabiat manusia itu sendiri. Lelaki lebih mampu bekerja, bersungguh-sungguh berusaha dan mencari pendapatan di luar rumah, manakala perempuan lebih mampu menguruskan rumah tangga, mendidik anak-anak, menjadikan suasana rumahtangga menyenangkan dan penuh ketenteraman. Oleh kerana itu ditugaskan kepada lelaki kerja-kerja yang sesuai dengan fitrahnya, manakala ditugaskan kepada perempuan dengan tanggungjawab yang sesuai dengan fitrahnya. Dengan yang demikian, rumahtangga dapat tersusun dengan baik sama ada di dalam atau di luar sehingga tidak mendapati salah seorang daripada suami atau isteri faktor daripada faktor-faktor yang boleh memecah belahkan rumahtangga tersebut”.

Sayed Sabiq seterusnya membawa contoh Rasulullah s.a.w telah membuat hukuman di antara Saidina Ali (r.a) dengan isterinya Fatimah (r.a.h) di mana Rasulullah s.a.w memutuskan ke atas Saidina Ali (r.a) berusaha dan bekerja di luar rumah manakala Fatimah (r.a.h) bertugas atau menjalankan pekerjaan di rumah.

وقد حكم رسول الله صلى الله عليه وسلم بين علي بن أبي طالب - رضي الله عنه - وبين زوجته فاطمة - رضي عنها - فجعل علي فاطمة خدمة البيت ، وجعل علي علي العمل والكسب

Yang bermaksud :

Rasulullah s.a.w telah membuat hukuman di antara 'Ali bin Abi Talib r.a dan isterinya, Fatimah r.ah iaitu dipertanggungjawabkan ke atas Fatimah r.ah melaksanakan kerja-kerja di rumah manakala 'Ali bin Abi Talib r.a pula diberi tanggungjawab bekerja dan berusaha mencari nafkah penghidupan.

Pendapat ahli perundangan Islam sebagaimana yang disebut di atas, sekiranya dilihat kepada kes-kes tempatan Malaysia, sudah tentu kita akan temui bahawa telah ada keputusan Yang Arif Hakim mengenainya. Merujuk kepada kes *Noor Bee lwn Ahmad Shanusi JH (1401H) 63*, Yang Arif Tuan Haji Harussani bin Haji Zakaria, Kadi Besar Negeri Pulau Pinang pada masa itu, antara lain telah berpendapat;

"Harta sepencarian diluluskan oleh syarak atas dasar khidmat dan perkongsian hidup. Isteri mengurus dan mengawal rumah tangga suami keluar mencari nafkah. Isteri, menurut syarak berhak mendapat orang gaji dalam mengurus rumah tangga, jika tidak maka kerja memasak, membasuh dan mengurus rumah hendaklah dianggap sebagai sebahagian dari kerja yang mengurangkan tanggungan suami."

Kemudian merujuk kepada kes *Yang Chik binti Hashim lawan Abdul Jamal bin Abdul Rahim, JH [1409] 146*. Dalam kes ini Yang Arif Dato' Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, pada masa itu Kadi Besar Mahkamah Kadi Besar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, antara lain berpendapat;

"Konsep harta sepencarian ialah harta yang diperolehi semasa dalam perkahwinan dengan masing-masing suami isteri sama-sama menyumbangkan tenaga atau wang ringgit untuk mendapatkan harta."

Oleh itu, dalam penyelesaian harta sepencarian, mesti ada sumbangan dari kedua-dua pihak suami dan isteri, sama ada sumbangan secara langsung atau secara tidak langsung. Dengan dibuktikan wujudnya sumbangan tersebut, barulah pihak-pihak yang berkenaan layak dan berhak ke atas harta yang dituntut sebagai harta sepencarian. Dalam kes dihadapan Saya ini, Saya berpuashati berdasarkan kepada keterangan Plaintiff beserta sumpah *istizhar* Plaintiff dan saksi-saksi Plaintiff serta pembelaan dan tuntutan balas yang difailkan Defendan dalam

perolehan aset-aset yang dituntut, bahawa kedua-dua pihak ada menyatakan sumbangan secara langsung terhadap perolehan aset-aset yang dipertikaikan tersebut.

Asas Penentuan Kedua, Mahkamah melihat kepada bahagian atau takat sumbangan pihak-pihak dalam memperolehi harta-harta tersebut. Perkara ini merujuk kepada bahagian atau takat sumbangan pihak-pihak dalam tuntutan Harta Sepencarian, iaitu sama ada satu pertiga atau setengah atau sebagainya. Dalam membuat penentuan ini, Mahkamah mengambil kira sumbangan sebenar secara langsung atau tidak langsung kedua-dua belah pihak dalam usaha memperolehi harta tersebut. Ini penting demi menepati kehendak keadilan pembahagian yang dikehendaki. Sesungguhnya mengambil harta orang lain secara batil adalah dilarang sama sekali dalam Islam. Allah S.W.T berfirman dalam surah *al-Baqarah* ayat 188 :

ولا تأكلوا أموالكم بينكم بالباطل وتدلوا بها إلى الحكام لتأكلوا فريقا من أموال الناس بالإثم وأنتم تعلمون

Yang bermaksud :

“Dan janganlah sebahagian kamu makan (atau mengambil) harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

Maksim feqah juga turut menyentuh soal yang sama antaranya ialah :

لا يجوز لأحد أن يأخذ مال أحد بلا سبب شرعي

Terjemahannya :

Tidak wajar (harus) bagi mana-mana individu mengambil harta benda seorang individu lain tanpa cara (sebab) yang dibenarkan oleh syarak.

Kaedah umum yang digunakan bagi membahagikan harta sepencarian adalah sama bagi setiap negeri iaitu mahkamah membahagikan harta tersebut mengikut takat sumbangan yang telah dibuat oleh setiap pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperolehi aset-aset

tersebut dan takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset-aset itu kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga.

Berdasarkan surah al-Nisa' ayat 32, Allah S.W.T berfirman :

للرجال نصيب مما اكتسبوا وللنساء نصيب مما اكتسبن

Yang bermaksud :

"...Orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan".

Dalam menentukan pembahagian harta sepencarian ini, terdapat beberapa perkara yang perlu dibuat pertimbangan antaranya :

- (1) Sama ada harta yang diperolehi bersama itu benar-benar hasil usaha kedua suami isteri itu.
- (2) Jika ia hasil kedua-dua, berapakah kadar sumbangan setiap mereka, adakah 50-50.
- (3) Jika harta itu diperolehi bersama tetapi sumbangan salah satu pihak lebih besar daripada sumbangan pihak yang lain penentuan kadar patut dibuat sama ada 60%, 40%, 70%, 30% atau sebagainya.
- (4) Sama ada sumbangan kedua-dua pihak merupakan sebahagian daripada modal untuk mendapat sesuatu harta seperti pembelian rumah melalui pinjaman kerajaan atau bank. Maka penentuan sumbangan masing-masing harus dibuat.

Merujuk kepada kes *Norsiah Arshad lwn Marsum Paing (2005) 1 CLJ (SYA)*, dalam kes ini Yang Arif Hakim Dato' Zohdi Toha telah memberi penghakiman bahawa, "sekali pun plaintif tidak mengeluarkan atau menyumbangkan wang ringgit untuk pembelian harta-harta yang dituntut untuk diisytiharkan sebagai harta sepencarian tetapi telah wujud sumbangan moral atau tidak langsung dimana plaintif ada menaip kad-kad jemputan dan hari raya serta lain-lain sedikit sebanyak membantu defendan dalam kerjayanya sebagai sebagai seorang kontraktor yang berjaya. Yang Arif Hakim telah membuat keputusan bahawa harta-harta yang dituntut hendaklah dibahagi 1/3 kepada plaintif. Kemudian dalam kes, *Haminahbe lwn Samsudin (1979) 1 JH (2) 71*, Kadhi Besar, Pulau Pinang, Haji Harussani bin Haji Zakaria telah berkata ;

'Haminahbe bt. Hassan sepanjang perkahwinan dengan Samsudin bin Hasain telah berlaku sebagai isteri dan telah membuat kerja-kerja yang lazim dilakukan oleh seorang isteri dengan sepenuhnya tanpa mendapat pertolongan dari orang gaji, maka itu segala penghasilan sepanjang hidup perkongsian bolehlah dianggap hasil bersama. Kerja-kerja yang dilakukan oleh seorang isteri yang tidak dibantu oleh orang gaji sekurang-kurangnya telah meringankan beban si suami setidak-tidaknya sepertiga dari tanggungannya'.

Dalam kes ini, Mahkamah telah memutuskan sebuah rumah yang diperolehi di dalam perkahwinan itu dibahagi dua dengan nilai wang sebanyak \$7000 iaitu seorang \$3500. Dengan ini berdasarkan pengiktirafan Islam terhadap sumbangan suami isteri sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur'an dan mengikut pandangan sebahagian daripada ahli perundangan Islam silam dan kes-kes tempatan yang dirujuk, jelas bahawa tuntutan harta sepencarian dalam masa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak adalah menepati Hukum Syarak.

Oleh itu, dalam penyelesaian harta sepencarian, Mahkamah mesti melihat kepada takat sumbangan dari kedua-dua pihak suami dan isteri, sama ada sumbangan tersebut secara wang, usaha, material, iaitu berapa banyakkah sumbangan masing-masing kepada perolehan harta-harta itu. Dalam kes dihadapan Saya ini, Saya berpuashati berdasarkan kepada keterangan Plaintiff beserta sumpah *istizhar* Plaintiff dan saksi-saksi Plaintiff serta pembelaan dan tuntutan balas yang difailkan Defendan dalam perolehan aset-aset yang dituntut, bahawa kedua-dua pihak ada membuat sumbangan dan takat sumbangan tersebut adalah berbeza jumlahnya dan Plaintiff telah mengemukakan keterangan dan pembuktiannya semasa perbicaraan.

Asas Penentuan Ketiga, beban bukti dalam membuat tuntutan terhadap Harta Sepencarian - perkara ini merujuk kepada beban membuktikan kes dan beban mengemukakan keterangan. Untuk itu, Plaintiff bertanggungjawab memikul beban pembuktian. Mengenai beban membuktikan kes, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 fasal 73 ada memperuntukkan;

- (1) *Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.*
- (2) *Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.*

Fasal ini memperuntukkan bahawa beban membuktikan fakta atau kes terletak ke atas pihak yang inginkan Mahkamah memberi penghakiman ke atas apa-apa hak atau liabiliti sepertimana mengikut fakta-fakta yang ditegaskan olehnya. Beban membuktikan fakta atau kes ini berkait pula dengan beban mengemukakan keterangan.

Beban mengemukakan keterangan pula merujuk kepada tanggungjawab mengemukakan keterangan di dalam menyempurnakan beban membuktikan fakta atau kes. Beban mengemukakan keterangan berbeza dengan beban membuktikan kes, dan beban mengemukakan keterangan ini akan berubah di dalam sesuatu perbicaraan mengikut peringkat, keterangan dan perkembangan perbicaraan sewajarnya. Fasal 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, Enakmen Terengganu Bil. 6 Tahun 2001, memperuntukkan ;

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-Mudda'ii) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Mudda'a'alaih).

Enakmen Terengganu Bil. 6 Tahun 2001 memberi pengertian “ keterangan ” termasuklah -

- (a) *bayyinah dan syahadah ;*
- (b) *segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubungan dengan perkara-perkara fakta yang disiasat; pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;*
- (c) *segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah; dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.*

Dari segi Hukum Syarak, beban bukti dalam membuat tuntutan telah dijelaskan melalui satu kes tuntutan harta yang telah dibawa ke hadapan Rasulullah s.a.w sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh 'Alaqamah bin Wail bin Hujr daripada bapanya yang berkata, sebagaimana telah dimuatkan di dalam Sunan at-Tirmizi, jilid 3, Matba'ah al-Bab al-Halabi, cetakan 1, 1937, halaman 625 seperti berikut :

جَاءَ رَجُلٌ مِنْ حَضْرٍ مَوْتٍ وَرَجُلٌ مِنْ كِنْدَةَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ الْحَضْرَمِيُّ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ هَذَا قَدْ عَلَنِي عَلَى أَرْضٍ كَانَتْ لِأَبِي ، فَقَالَ الْكِنْدِيُّ : هَذِهِ أَرْضِي وَفِي يَدِي ، أَرْعُهَا ، مَا لَهُ فِيهَا حَقٌّ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلْحَضْرَمِيِّ : " أَلَكِ بَيِّنَةٌ ؟ " . قَالَ : لا ، قَالَ : " فَلَكِ يَمِينُهُ " . فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ لَيْسَ يُبَالِي عَلَيَّ مَا حَلَفَ عَلَيْهِ ، لَيْسَ يَتَوَرَّعُ مِنْ شَيْءٍ ، قَالَ : " لَيْسَ لَكَ مِنْهُ إِلَّا ذَاكَ "

Yang bermaksud :

"Seorang lelaki dari Hadramaut dan seorang lelaki dari Kindah telah datang menemui Rasulullah s.a.w, lalu lelaki Hadramaut berkata, " Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki ini (lelaki dari Kindah ini) telah mengambil tanah asalnya kepunyaan ayah saya," Kemudian lelaki dari Kindah membalas dengan berkata, "Tanah itu adalah kepunyaan saya dan dia tidak berhak ke atas tanah itu." Rasulullah s.a.w bertanya kepada lelaki Hadramaut, "Adakah kamu mempunyai bukti ?" Lelaki Hadramaut menjawab, "Tidak." Rasulullah s.a.w bersabda kepada lelaki Kindah, "Kamu mesti bersumpah." Mendengar sabda Rasulullah s.a.w itu lantas lelaki Hadramaut berkata, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki dari Kindah ini buruk perangainya, dia tidak bertanggungjawab atas perkara yang disumpahkannya dan dia juga tidak menjaga dirinya dari sesuatu perkara," lalu Rasulullah s.a.w bersabda, "Kamu tiada pilihan lain melainkan melalui cara sedemikian".

Selain itu, fuqaha' telah menggariskan panduan tentang cara pembuktian tuntutan yang melibatkan peralatan rumah di dalam kitab al-Umm, Jilid Kesepuluh, cetakan Dar al-Qutaibah, Beirut Lebanon, cet. 1, 1996 pada halaman 328 sebagaimana dirujuk di dalam kes *Kalthom binti Abdul Wahib lawan Nordin bin Othman* JH 1994 Jilid 9 IX bahagian 2 :

قال الشافعي رحمه الله تعالى إذا اختلف الرجل والمرأة في متاع البيت الذي هما فيه ساكنان وقد ائترقا أو لم يفترقا أو ماتا أو أحدهما فإختلف ورثتهما أو ورثة أحدهما بعد موته فذلك كله سواء

Yang bermaksud :

Telah berkata Imam Shafi'i, "Apabila berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah (bercerai) atau sekalipun tidak berpisah ; atau kedua suami isteri itu meninggal dunia atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia, yang mana dalam keadaan kedua suami isteri itu meninggal dunia ; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia, berlaku pertelingkahan di antara waris kepada kedua-dua pihak atau atau pertelingkahan di antara waris kepada kedua-dua pihak atau pertelingkahan oleh waris kepada salah satu dari kedua pihak itu ; maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa".

Dalam kes di hadapan Saya ini, Saya berpendapat bahawa Plaintiff (*al-Mudda'i*), ABCD BINTI TTKK hendaklah membuktikan fakta-fakta bahawa harta yang dituntut dan bahagian harta yang dituntut sebagai harta sepencarian bersama Defendan, NPNP BIN MPMP menepati pengertian Harta Sepencarian. Plaintiff hendaklah membuktikan bahawa harta yang dituntut dan bahagian yang dituntut itu merupakan harta yang diperolehi oleh Plaintiff dan Defendan semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak dengan usaha bersama Plaintiff dan Defendan atau harta yang diperolehi dengan usaha tunggal satu pihak semasa perkahwinan atau harta yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan, kemudian dimajukan sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan oleh pihak yang satu lagi atau dengan usaha bersama Plaintiff dan Defendan. Kesemua persoalan dan keterangan ini akan dianalisa oleh Mahkamah.

Seterusnya berhubung Fakta Persoalan Ketiga - Adakah kadar yang dituntut oleh Plaintiff ini menepati peruntukan Hukum Syarak dan Undang-Undang dan boleh dibenarkan atau sebaliknya?. Di dalam kes ini, Plaintiff menuntut supaya Mahkamah mengisytiharkan bahawa Plaintiff berhak sebanyak $\frac{1}{2}$ (setengah) bahagian atau nilai ke atas :

- 1. Sebuah rumah yang dibina di atas tanah berketerangan hakmilik HSM XX12, PT 0011, Mukim Tanggul, Tempat Jongok Setar, Daerah Hulu Terengganu yang didaftarkan 1/1 bahagian atas nama ibu mertua Plaintiff (TPTP BINTI MOMO);**

Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff, bahawa dalam tempoh perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan, adanya sebuah rumah yang dibina di atas tanah milik ibu Defendan bernama TPTP BINTI MOMO. Hartanah tersebut terletak di belakang Kompleks Pertanian Ajil dan dibina pada tahun 1995. Menurut keterangan Plaintiff, Defendan ada simpanan, dan Defendan beli rumah lama dan merombak rumah tersebut. Kemudian dari perkakasan rumah yang dirombak itu, telah dibina sebuah rumah di tanah milik ibu mertua. Masa itu Defendan masih kerja di Johor. Cara pembinaan rumah tersebut adalah dengan mengupah orang dan segala proses pembinaan diuruskan oleh ayah Defendan pada ketika itu. Proses pembinaan rumah mengambil masa lebih kurang 3 tahun dan Plaintiff tidak mengetahui tentang kos pembinaan rumah tersebut dan Defendan tak pernah beritahu Plaintiff mengenai kos pembinaan rumah. Ibu rumah dari kayu yang Defendan beli dari orang dan dapur dari simen. Sepanjang proses pembinaan rumah, Defendan kerja di Johor dan Defendan balik sebulan dalam 2 kali, Plaintiff pula ketika itu tinggal di rumah Tok Wan di Kampung Jok, Ajil dan Plaintiff datang ke tapak pembinaan rumah setiap minggu untuk melihat perkembangan pembinaan tersebut. Pada masa permulaan rumah kayu itu dibeli, ketika anak pertama umur dalam 3 tahun. Pada masa mula membina rumah, ada 2 buah rumah di atas tanah tersebut iaitu rumah ibu mertua dan rumah Plaintiff dan Defendan.

Berdasarkan keterangan Plaintiff, Defendan pada setiap bulan akan mengirim duit RM200 kepada Plaintiff di Terengganu kerana pada masa itu Defendan bekerja di Johor. Sementara Plaintiff sepanjang tempoh perkahwinan bekerja mengambil upah memotong getah, menjahit dan membuat kuih dengan pendapatan sebanyak RM500. Duit hasil kerja tersebut Plaintiff guna untuk perbelanjaan dan juga ada simpanan.

Defendan dalam pernyataan pembelaannya pada perenggan 7, mengakui fakta bahawa rumah tersebut dibina semasa Defendan bekerja di Singapura dan hasil kiriman duit kepada bapa Defendan sebelum Plaintiff dan Defendan berkahwin lagi. Setelah berkahwin, Defendan setuju membuat sebuah bilik selesa di rumah tersebut kerana Plaintiff mahu membuka kedai jahit.

Plaintif dalam keterangannya menyatakan bahawa dari tahun 2006 (dan siap dalam tahun 2011), Plaintiff ada membuat beberapa pengubahsuaian terhadap hartanah asal tersebut yang melibatkan bahagian bilik jahit, ruang tamu, bilik air dan garaj kereta. Menurut Plaintiff, ubahsuai rumah dibuat pada tahun 2006 bermula di bahagian bilik jahit menambah ruang untuk menjahit yang asalnya bilik di atas & kayu, disambung dan buat bilik baru. Tujuan ubahsuai dibuat untuk tambah/buat tempat Plaintiff menjahit. Saya ada guna duit hasil menjahit dan hasil potong getah iaitu duit simpanan Plaintiff. Selepas itu sambung ubahsuai untuk ruang tamu iaitu yang di hadapan sekali, garaj kereta di belakang bersama dengan bilik air. kesemua pengubahsuaian dilakukan secara beransur-ansur selama tempoh 5 tahun dan telah memakan kos sebanyak RM40,000 (duit simpanan Plaintiff dan dari hasil dari menjahit pula dalam RM10,000). Plaintiff telah menguruskan pengubahsuaian tersebut dengan mengupah dua orang Kontraktor iaitu Pak Sop (telah meninggal dunia) dan ENCIK UUKK yang juga merupakan bapa saudara Plaintiff. Plaintiff dalam keterangan di Mahkamah menyatakan bahawa proses pengubahsuaian bermula di bahagian bilik jahit yang dibuat oleh ENCIK UUKK (SP1) dan kemudian di ruang tamu, dua buah bilik air dan kemudian pada garaj kereta yang dibuat oleh Pak Sop. Menurut Plaintiff, Plaintiff yang menguruskan ubahsuai kerana Defendan ada maklum kepada Plaintiff sekiranya hendak membuat pengubahsuaian perlulah guna duit Plaintiff sendiri. Plaintiff mengakui telah ambil masa lama untuk menyiapkan ubahsuai rumah. Sepanjang proses pembinaan, Defendan tidak pernah membantah apa-apa dan menyerahkan urusan tersebut sepenuhnya kepada Plaintiff.

Berdasarkan keterangan SP1, mengakui bahawa telah diupah untuk membina bilik jahitan rumah tersebut 15 tahun lalu. Asalnya tiada bilik. Bilik jahitan tersebut tiada tiang. Rumah tersebut setingkat sahaja dan bilik jahit terletak di bawah. Ketika buat bilik jahit itu dalam tahun 2005 bersama rakan-rakan SP1. SP1 mengakui bahawa Plaintiff yang membayar upah SP1 untuk buat bilik jahit. Plaintiff buat bayaran setiap hari dalam RM70 sehari. Kadang-kadang dibayar pada setiap minggu. Kos anggaran barang-barang sehingga siap dalam RM10K. SP1 memaklumkan bahawa ambil masa dalam 3 hingga 4 bulan untuk siapkan bilik jahit tersebut. Keluasan bilik jahit dalam 15" x 20" kaki persegi. Bahagian lain ketika itu tidak dibuat ubahsuai

lagi. SP1 menyatakan sepanjang ubahsuai bilik jahit tersebut hanya berurusan dengan Plaintiff sahaja. Selepas siap buat bilik jahit tersebut, SP1 ada juga pergi ke rumah Plaintiff dengan tujuan untuk melawat sahaja. SP1 nampak selepas itu Plaintiff ada buat tambahan lain di rumah tersebut. Tambahan yang dibuat adalah bilik air dan garaj kereta. SP1 tak pasti Plaintiff buat tambahan rumah dengan tukang mana. Dalam sepengetahuan SP1, hanya Plaintiff sahaja yang buat semua urusan untuk tambahan ruang rumah. Masa buat tambahan rumah, Plaintiff kerja menjahit dan menoreh getah. Bahagian lain yang ditambah mengambil masa dalam 5 hingga 6 bulan untuk disiapkan.

Berdasarkan keterangan SP2, mengakui bahawa biasa berurusan dengan Plaintiff untuk upah jahit baju masa di rumah lama lagi. SP2 memperakui bahawa Plaintiff ada buat tambahan rumah iaitu bahagian hadapan iaitu beranda, bilik jahitan. Sebelum ini, bilik jahit di bahagian atas, dan selepas siap bahagian depan bilik jahit di bahagian bawah. SP2 bagaimanapun tidak mengetahui siapa Kontraktor yang membuat tambahan rumah tersebut. SP2 juga tidak mengetahui siapa yang mengeluarkan duit untuk buat tambahan rumah tersebut. Tambahan rumah dibuat secara beransur-ansur. SP2 mengenali Plaintiff dan Defendan dan mengetahui bahawa Defendan menjalankan kerja-kerja kampung iaitu menoreh, ambil buah dan kilang papan, manakala Plaintiff membuat kerja menjahit, membuat kuih dan menoreh getah. Berkaitan kos ubahsuai rumah SP2 tiada pengetahuan berkaitannya.

Berdasarkan dapatan di atas, **Mahkamah berpuashati** bahawa *kedua-dua pihak mempunyai sumbangan langsung masing-masing*, dan ternyata takat sumbangan langsung yang dibuat oleh Defendan adalah lebih banyak iaitu dalam keseluruhan modal bagi perolehan hartanah asal tersebut (ibu rumah) sebelum pengubahsuaian beberapa ruangan rumah dibuat manakala Plaintiff pula menyumbang keseluruhan modal bagi pengubahsuaian hartanah tersebut setelah mendapat persetujuan Defendan (yang meliputi beberapa ruang iaitu ubahsuai 1 buah bilik jahitan, 2 buah bilik air, 1 buah ruang tamu dan 1 buah garaj kereta).

Mahkamah juga berpuashati Plaintiff sebagai seorang isteri yang dalam masa yang sama bekerja, Plaintiff turut mempunyai sumbangan tidak langsung iaitu dengan menguruskan Defendan dan keluarga iaitu termasuk dua orang anak yang lahir sepanjang tempoh 24 tahun usia perkahwinan, manakala apa yang ditunjukkan sebagai sumbangan tidak langsung pihak Defendan dalam perkahwinan sebenarnya merupakan tanggungjawab / kewajipan Defendan sebagai seorang suami dan bapa kepada anak-anaknya.

Dengan mengambilkira kedua-dua sumbangan langsung dan tidak langsung oleh Plaintiff sebagaimana ulasan di atas tadi, Mahkamah berpendapat kadar $\frac{1}{2}$ bahagian atau nilai yang dituntut oleh Plaintiff adalah tidak wajar dan tidak dibenarkan, dan Mahkamah *mensabitkan kadar yang wajar dan berhak diperolehi Plaintiff, ABCD BINTI TKTK, KP : 000000-11-52XX adalah $\frac{1}{3}$ bahagian atau nilai atas rumah tersebut. Manakala Defendan, NPNP BIN PRPR, KP: XXX888-11-53XX memperolehi sebanyak $\frac{2}{3}$ bahagian atau nilai daripada aset tersebut.*

Seterusnya, dalam menyelesaikan pembahagian sebenar bahagian/nilai hak Harta Sepencarian masing-masing ke atas rumah tersebut, Mahkamah berpendapat bahawa rumah tersebut hendaklah dibuat penilaian dan mengarahkan pihak Plaintiff membuat dan mengemukakan nilai rumah tersebut kepada Mahkamah. Plaintiff melalui Peguam Syariinya telah membuat penilaian ke atas rumah tersebut dengan menggunakan khidmat Pegawai Penilai Kerajaan di JPPH. Pihak Defendan pula atas ketidakhadirannya, tidak pernah mengemukakan apa-apa dokumen penilaian kepada Mahkamah.

Laporan Penilaian yang dikemukakan oleh Plaintiff dari Pegawai Penilai dari JPPH yang dikemukakan kepada Mahkamah pada (tarikh penilaian pada 04 Oktober 2018), bahawa nilai rumah tersebut adalah sebanyak RM 175,000 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Tujuh Puluh Lima Ribu). Penilaian adalah termasuk nilai pasaran keseluruhan bangunan rumah sesebuah 1 tingkat separuh kekal rekabentuk sendiri berkeluasan 220 meter persegi.

Dengan maklumat-maklumat berdokumen yang dikemukakan di hadapan Mahkamah, Mahkamah membuat *beberapa pendekatan* berikut dalam rangka memperoleh kadar penilaian rumah tersebut sahaja.

Nilaian ini dibuat adalah berdasarkan kepada lokasi harta tanah terletak di dalam kawasan perkampungan belakang Kompleks Ajil kira-kira 2.7 km dari Pekan Ajil, binaan bangunan rumah sesebuah satu tingkat jenis separuh kekal, tahun binaan pada 1994, keluasan bangunan 220 meter persegi termasuk bangunan luar.

Oleh yang demikian, berdasarkan Laporan Penilaian Plaintiff yang dikeluarkan oleh JPPH - Mahkamah mengambil pendekatan menerima penilaian dari sumber berautoriti ini dalam menentukan berapakah nilai sebenar yang terhak ke atas Plaintiff dan Defendan bagi harta / aset yang dituntut ini.

Berdasarkan jumlah nilai yang dikemukakan di dalam Laporan Penilaian tersebut, Mahkamah dapat membuat pengiraan untuk mendapatkan jumlah nilai sebenar sebuah rumah yang dibina di atas tanah berketerangan hakmilik HSM XX12, PT 0011, Mukim Tanggul, Tempat Jongok Setar, Daerah Hulu Terengganu yang didaftarkan 1/1 bahagian atas nama ibu mertua Plaintiff (TPTP BINTI MOMO) tersebut. Formula pengiraan bagi nilai yang terhak kepada Plaintiff adalah RM 175,000 (jumlah nilai hartanah) *dibahagi 3 bahagian yang mana menjadikan satu bahagian adalah berjumlah RM58,333.33.*

Oleh itu, dengan mengambilkira kesemua perkara-perkara tersebut di atas dan memperhalusinya mengikut Hukum Syara' dan Undang-Undang, Mahkamah memutuskan bahawa 1/3 bahagian yang terhak kepada Plaintiff itu adalah dengan *nilai RM58,333.33 manakala selebihnya 2/3 bahagian adalah terhak kepada Defendan.*

Oleh itu, dengan mengambilkira kesemua perkara-perkara tersebut di atas dan memperhalusinya mengikut Hukum Syara' dan Undang-Undang, Mahkamah memutuskan bahawa 1/3 bahagian yang terhak kepada Plaintiff itu adalah dengan nilai RM RM58,333.33 dan rumah tersebut dikekalkan milikannya kepada Defendan.

Berdasarkan kadar nilai yang diputuskan itu, Mahkamah seterusnya memerintahkan Defendan, NPNP BIN PRRR, KP: XXX888-11-53XX membayar 1/3 bahagian atau nilai tersebut yang berjumlah RM58,333.33 kepada Plaintiff, ABCD BINTI TKTK, KP: 000000-11-52XX dalam masa (6) enam bulan dari tarikh serahan perintah kepada Defendan, dan rumah tersebut diberi milikan sepenuhnya kepada Defendan.

2. Peralatan-peralatan di dalam rumah yang terdiri daripada ;

- 2.1 Sebuah Peti Sejuk (Anggaran Nilai sekarang RM800.00);
- 2.2 Sebuah Mesin Basuh (Anggaran Nilai sekarang RM500.00);
- 2.3 Sebuah Mesin Jahit Lurus Jenama Juki (Anggaran Nilai sekarang RM1000.00);
- 2.4 Sebuah Mesin Jahit Kelim (Anggaran Nilai sekarang RM1000.00);
- 2.5 Seunit Meja Potong Kain (Anggaran Nilai sekarang RM150.00);
- 2.6 Sebuah Almari Kaca (Anggaran Nilai sekarang RM1000.00);
- 2.7 Pinggan Mangkuk dan Periuk (Anggaran Nilai sekarang RM3000.00);
- 2.8 Oven Kuih 3 Unit (Anggaran Nilai sekarang RM600.00);

Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff, bahawa Plaintiff menuntut dua (2) buah mesin jahit yang dibeli Plaintiff hasil duit upah menjahit. Mesin jahit tersebut dibeli pada tahun 2008 yang mana mesin jahit lurus dibeli dengan harga RM1500 dan mesin jahit kelim dibeli pada tahun 2009 dengan harga lebih kurang RM1000. Selain itu, pihak RISDA ada beri mesin jahit kerana Plaintiff Pekebun Kecil. Mesin tersebut ada di kedai dan digunakan di kedai. Plaintiff telah buka kedai jahit hampir 10 tahun. Plaintiff juga menuntut Seunit Meja Potong Kain yang dibeli dengan ditempah pada harga RM250 iaitu dibeli dalam masa perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan. Meja tersebut juga menggunakan duit Plaintiff. Selain itu, berkait tuntutan sebuah almari kaca yang digunakan untuk tujuan pameran baju yang telah dijahit. Plaintiff beli almari kaca tersebut di kedai di Kuala Berang. Harga pada masa beli RM700. Almari kaca dibeli selepas 2 tahun beli mesin jahit lurus dan mesin jahit kelim.

Plaintif dalam keterangan lisannya menyatakan bahawa tuntutan berkaitan pinggan mangkuk dan periuk pula, yang mana ianya dibeli di Langkawi. Plaintif beli dalam 3 set dengan harga RM1000. Masa itu ikut rombongan UMNO ke Langkawi. Tujuan Plaintif beli kerana Plaintif ada buat penyediaan katering untuk majlis kahwin atau pertunangan. Periuk “6 beradik” pula dibeli oleh Plaintif di Rantau Panjang pada tahun 2008. Periuk besar untuk hidang. Plaintif beli ketika mengkuti rombongan UMNO ke Rantau Panjang.

Berkenaan tuntutan Oven Kuih sebanyak 3 unit pula, Plaintif menyatakan bahawa tuntutan melibatkan Oven kuih 2 unit berjenama Pensonic dan satu unit lagi Plaintif saya tak ingat jenama. Bagi oven kuih berjenama Pensonic berharga RM250 dan RM150. Jenama satu lagi Plaintif beli dengan RM100 lebih. Ketiga-tiga oven tersebut dibeli di Kuala Terengganu iaitu selepas balik dari Langkawi. Tujuan Plaintif beli untuk buat kuih. Plaintif ada buat kek atau lain-lain. Semua beli dengan duit hasil pendapatan Plaintif sendiri. Setakat pengetahuan Plaintif, yang diberitahu oleh anak, bahawa semua barang-barang yang Plaintif tuntutan tersebut masih ada.

Defendan dalam perenggan 6 Pernyataan Pembelaan, ada menyatakan bahawa mengakui bahawa kesemua barang-barang yang dituntut di atas adalah barang-barang yang diperolehi semasa perkahwinan Plaintif dan Defendan tetapi dinyatakan bahawa sebahagiannya seperti pakaian Plaintif telah diambil dan dibawa oleh Plaintif sejak sebelum berpisah dan sebahagiannya iaitu sebuah mesin basuh dan baki pakaian Plaintif telah rosak kerana digunakan oleh Defendan dan anak-anak. Defendan juga menyatakan bahawa tidak ada halangan bagi Plaintif untuk mengambil barang-barang yang dituntut selainnya pada bila-bila masa.

Defendan dalam perenggan 6 Pernyataan Pembelaan, ada menyatakan bahawa mengakui bahawa kesemua barang-barang yang dituntut di atas adalah barang-barang yang diperolehi semasa perkahwinan Plaintif dan Defendan tetapi dinyatakan bahawa sebahagiannya seperti

pakaian Plaintiff telah diambil dan dibawa oleh Plaintiff sejak sebelum berpisah dan sebahagiannya iaitu sebuah mesin basuh dan baki pakaian Plaintiff telah rosak kerana digunakan oleh Defendan dan anak-anak. Defendan juga menyatakan bahawa tidak ada halangan bagi Plaintiff untuk mengambil barang-barang yang dituntut selainnya pada bila-bila masa.

Merujuk kepada tuntutan aset alih di atas, **Mahkamah berpuashati** bahawa kedua-dua pihak mempunyai sumbangan dalam memperolehi aset alih di atas, dan ternyata takat sumbangan langsung dalam bentuk wang ringgit yang dibuat oleh Plaintiff terhadap perolehan barang-barang adalah lebih banyak iaitu meliputi keseluruhan modal bagi perolehan barang-barang tersebut manakala Defendan pula sebagai seorang suami menyumbang secara tidak langsung terhadap keharmoniaan hidup berkeluarga dan dengan membenarkan Plaintiff keluar bermusafir serta keluar untuk bekerja iaitu menjalankan kerja-kerja menjahit, membuat kuih untuk katering dan juga mengambil upah menoreh getah untuk mendapatkan hasil bagi membeli barang-barang tersebut.

Mahkamah juga berpuashati Plaintiff sebagai seorang isteri yang bekerja mempunyai sumbangan tidak langsung iaitu dengan menguruskan Defendan dan keluarga dalam masa perkahwinan, manakala apa yang ditunjukkan sebagai sumbangan tidak langsung pihak Defendan dalam perkahwinan sebenarnya merupakan tanggungjawab wajib Defendan sebagai seorang suami dan bapa kepada anak-anaknya.

Dengan mengambilkira kedua-dua sumbangan langsung dan tidak langsung oleh Plaintiff dan Defendan sebagaimana ulasan di atas tadi, Mahkamah menimbangankan pembahagian harta sepencarian tersebut sebagaimana berikut iaitu :

Bagi harta alih berkaitan jahitan di para 3.1 di atas, Plaintiff berhak ke atas 2 buah mesin jahit dan sebuah meja potong kain, manakala Defendan berhak ke atas sebuah almari pintu kaca;

Bagi harta alih di para 3.2 di atas, Plaintiff berhak ke atas 2 set pinggan mangkuk, manakala Defendan pula berhak ke atas 1 set pinggan mangkuk; dan,

Bagi harta alih di para 3.3 di atas, Plaintiff berhak ke atas 2 set ketuhar dan manakala Defendan berhak ke atas 1 set ketuhar.

[TUNTUTAN BALAS DEFENDAN]

Merujuk kepada Tuntutan Balas Terpinda Defendan bertarikh 03 Disember 2018, Defendan ada menyatakan terdapat enam tuntutan balas yang ditimbulkan Defendan iaitu :-

- 1. Bayaran upah Defendan bekerja dan membeli barang kerja di Ladang Kelapa Sawit Plaintiff selama 10 tahun sebanyak RM 9,021.00.***

Plaintif dalam keterangannya bahawa ladang kelapa sawit yang berkenaan terletak di belakang Kompleks Pertanian Ajil adalah pada asalnya atas nama adik perempuan Plaintiff, PPPP binti TKTK. Selepas ibu Plaintiff meninggal dunia, Plaintiff telah membuat permohonan untuk mendaftarkan beliau sebagai pemilik. Selepas berkahwin, Plaintiff telah mengusahakan ladang tersebut bersama Defendan dan dua orang lagi pekerja. Setiap dua kali dalam sebulan, Plaintiff akan dapat hasil sawit sebanyak RM600 dan menjadi kebiasaan, Plaintiff akan memberi RM200 kepada Defendan. Sepanjang Defendan membantu Plaintiff di ladang tersebut, Plaintiff tidak pernah janji untuk bayar upah kepada Defendan dan juga tiada apa-apa perjanjian mewajibkan pembayaran upah kepada Defendan.

- 2. Bayaran hasil sawit selama 10 tahun berjumlah RM 32,000.***

Plaintif telah menyatakan bahawa hasil sawit yang diperolehi oleh Plaintiff bukanlah seperti yang didakwa oleh Defendan dalam Tuntutan Balas Terpinda bertarikh 03 Disember 2018 tersebut. Sebaliknya, hasil sawit tersebut terpaksa dibahagikan di antara Plaintiff, adik Plaintiff

dan ibu saudara Plaintiff. Dakwaan hasil sawit berjumlah sehingga RM32,000 adalah dakwaan Defendan semata-mata sendiri tanpa dikemukakan apa-apa bukti.

3. *Bayaran upah kerja Defendan di kebun getah selama 2 bulan sebanyak RM9,540.*

Plaintif turut menyetakan bahawa segala kerja-kerja yang dibuat di kebun getah juga adalah sumbangan Plaintiff dan Defendan sebagai suami isteri dan tiada apa-apa perjanjian yang mewajibkan pembayaran upah oleh Plaintiff kepada Defendan terhadap kerja-kerja yang dilakukan.

4. *Separuh nilai harga semasa bagi sebuah kenderaan Perodua Alza No. Pendaftaran PJPJ 6666 yang berjumlah RM15,000.*

Isu seterusnya adalah melibatkan sebuah kereta jenis Perodua Alza nombor pendaftaran PJPJ 6666 yang telah Plaintiff beli pada tahun 2009. Plaintiff telah membayar RM 20,000.00 sebagai deposit menggunakan duit Plaintiff sendiri. Begitu juga bayaran ansuran bulanan sebanyak RM600.00 sebulan turut dibayar sendiri oleh Plaintiff. Status ansuran bulanan kereta tersebut kini telah selesai pembayaran sepenuhnya. Sepanjang tempoh perkahwinan, kereta tersebut telah digunakan untuk kegunaan keluarga termasuk Defendan. Plaintiff sendiri juga yang telah menguruskan penghantaran servis kereta dan baiki kerosakan kereta tersebut.

5. *Separuh nilai harga bagi dua utas rantai leher dan dua utas gelang tangan berjumlah RM 20,000.00.*

Isu kelima melibatkan dua utas rantai leher Plaintiff. Plaintiff menegaskan di sini bahawa seutas daripada rantai leher tersebut adalah dari pemberian arwah ibu Plaintiff manakala seutas lagi Plaintiff telah beli sendiri sebelum berkahwin dengan Defendan dengan harga RM 2,000.00. Dua utas gelang tangan tersebut pula telah Plaintiff jual dan Plaintiff turut ingin menegaskan di sini bahawa gelang tersebut telah Plaintiff beli sendiri menggunakan wang hasil Plaintiff bekerja.

6. *Separuh nilaiian sebidang tanah No Lot XXXX, No Hakmilik XXX di Mukim Tanggol, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu seluas 0.7906 hektar dengan harga RM 45,000.00.*

Plaintif turut menyatakan bahawa sebidang tanah No Lot XXXX yang terletak di Mukim Tanggol tersebut bukannya merupakan milik Plaintiff sendiri tetapi dikongsi bersama adik Plaintiff, Pppp binti Abdullah dan ibu saudara Plaintiff. Defendan tidak mempunyai hak ke atas tanah tersebut mahupun hasilnya kerana segala usaha dan kerja yang dilakukan hanyalah merupakan usaha sebagai sebuah keluarga oleh Plaintiff, Defendan dan anak-anak.

Mengenai kesemua tuntutan balas yang dikemukakan Defendan ini, beban pembuktian (beban membuktikan fakta dan beban memberi keterangan) bagi tuntutan balas itu adalah terletak ke atas Defendan yang mana secara keseluruhannya Mahkamah berpuashati bahawa Defendan bukan sahaja gagal membuktikan fakta, memberikan keterangan, atau mengemukakan saksi atau apa-apa dokumen atas dakwaan dalam tuntutan balas tersebut bahkan gagal hadir dalam banyak prosiding Mahkamah. Oleh yang demikian, Saya tidak dapat memberi pertimbangan ke atas semua tuntutan balas Defendan, dan dengan itu tuntutan balas Defendan **ditolak**.

[KEPUTUSAN MAHKAMAH]

1. **SAYA LULUSKAN**, tuntutan Harta Sepencarian yang dibuat oleh Plaintiff, ABCD BINTI TKTK, KP: 000000-11-52XX terhadap Defendan, NPNP BIN PRRR, KP: XXX888-11-53XX di bawah Seksyen 59 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu)2017.
2. **SAYA PERINTAHKAN**, bahawa harta Tak Alih berikut :-

Harta Tak Alih

- 2.1 Sebuah rumah di atas tanah yang berketerangan HSM XX12, PT 0011 Mukim Tanggul, Tempat Jongok Setar, Daerah Hulu Terengganu, Keluasan ; 1599 Meter

Persegi, yang mana Tanah itu didaftarkan atas nama Ibu Defendan, TPTP BINTI MOMO (1/1 bahagian); (Selepas ini disebut “Harta Tak Alih Tersebut”)

Adalah diisytiharkan sebagai harta sepencarian antara Plaintiff, ABCD BINTI TKTK, KP: 000000-11-52XX dengan Defendan, **NPNP BIN PRRR**, KP: XXX888-11-53XX;

- 2.2 **SAYA PERINTAHKAN**, Harta Tak Alih Tersebut terhak kepada Plaintiff, ABCD BINTI TKTK, KP: 000000-11-52XX sebanyak 1/3 bahagian atau nilai. Manakala Defendan, **NPNP BIN PRRR**, KP: XXX888-11-53XX memperolehi sebanyak 2/3 bahagian atau nilai daripada asset tersebut;
- 2.3 **SAYA SABITKAN**, nilai semasa ke atas Harta Tak Alih itu adalah berdasarkan Laporan dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Cawangan Negeri Terengganu (JPPH) bertarikh 4 Oktober 2018 dengan nilai RM175,000.00.
- 2.4 **SAYA PERINTAHKAN**, Defendan, **NPNP BIN PRRR**, KP: XXX888-11-53XX membayar 1/3 bahagian atau nilai tersebut yang berjumlah RM58,333.33 kepada Plaintiff, ABCD BINTI TKTK, KP: 000000-11-52XX dalam masa 6 bulan dari tarikh serahan perintah kepada Defendan, dan rumah tersebut diberi milikan sepenuhnya kepada Defendan itu.

3. **SAYA PERINTAHKAN**, bahawa harta-harta Alih berikut :-

Harta Alih

- 3.1 Alatan-alatan berkaitan jahitan merangkumi 2 buah mesin jahit, sebuah meja potong kain, dan sebuah almari baju kaca;
- 3.2 3 set pinggan mangkuk;
- 3.3 3 buah ketuhar.

(Selepas ini disebut “Harta Alih Tersebut”)

Adalah diisytiharkan sebagai harta sepencarian antara Plaintiff, ABCD BINTI TKTK, KP: 000000-11-52XX dengan Defendan, **NPNP BIN PRRR**, KP: XXX888-11-53XX;

4. **SAYA PERINTAHKAN**, bagi harta alih berkaitan jahitan di para 3.1 di atas, Plaintiff berhak ke atas 2 buah mesin jahit dan sebuah meja potong kain, manakala Defendan berhak ke atas sebuah almari pintu kaca.
5. **SAYA PERINTAHKAN**, bagi harta alih di para 3.2 di atas, Plaintiff berhak ke atas 2 set pinggan mangkuk, manakala Defendan pula berhak ke atas 1 set pinggan mangkuk.
6. **SAYA PERINTAHKAN**, bagi harta alih di para 3.3 di atas, Plaintiff berhak ke atas 2 set ketuhar dan manakala Defendan berhak ke atas 1 set ketuhar.
7. **SAYA PERINTAHKAN** tuntutan Plaintiff, ABCD BINTI TKTK, KP: 000000-11-52XX ke atas sebuah kereta Perodua Myvi 1.5 (Auto) bernombor pendaftaran PRR 8888 yang didaftarkan atas nama Defendan, NPNP BIN PRRR, KP: XXX888-11-53XX **DITOLAK**.
8. **SAYA PERINTAHKAN**, kesemua tuntutan balas yang dibuat oleh Defendan bertarikh 15/11/2018 adalah **DITOLAK**.
9. **SAYA PERINTAHKAN**, kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan meterai Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, di Kuala Terengganu pada hari ini, Selasa, 00 Safar 14XXH bersamaan 00 Oktober 20XXM.

METERAI

HAKIM SYARIE